

## RISALAH PENDEDADAHAN PRODUK

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kad Pembelian American Express®. Pastikan anda turut membaca terma dan syarat am. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma am dalam dokumen ini.



Kad : **Kad Pembelian American Express®**

### 1. Maklumat produk

Kad Pembelian American Express® membolehkan syarikat menguruskan perbelanjaan mereka dengan kawalan pembelian dan belanjawan yang khusus. Kad ini ialah kad caj dengan kemudahan kredit diberikan oleh Bank kepada syarikat anda. Apa-apa jumlah kredit digunakan yang belum diselesaikan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh genap tempoh, keseluruhan baki yang belum dijelaskan bagi urus niaga pengeluaran runcit dan tunai yang belum dibayar akan tertakluk kepada Caj Bayaran Lewat.

**Kelayakan:** Kad Pembelian American Express®

- Semua jenis syarikat (kecuali Pemilikan Tunggal dan Perkongsian).
- Liabiliti Tunggal: Syarikat bertanggungan secara mutlak atas semua liabiliti yang timbul daripada kad dan bertanggungjawab membayar semua caj pemegang kad.

### Apakah yang akan saya peroleh daripada produk ini?

#### a) MEMUDAHKAN PROSES TEMPAHAN PEMBELIAN YANG RUMIT

- Menjimatkan masa dan kertas yang dikaikan dengan permintaan, kelulusan, tempahan pembelian dan pemprosesan invois.
- Menjamin kecekapan proses dan masa yang diambil untuk memperoleh barang dan perkhidmatan.
- Meningkatkan daya pengeluaran kakitangan.

#### b) MEMUDAHKAN KAWALAN DAN PEMANTAUAN

- Meningkatkan kawalan pembelian dan pematuhan perbelanjaan jabatan.
- Merancang lebih awal atas budi bicara untuk keraian pekerja dan had perbelanjaan dengan membataskan jenis industri dan had kredit berparameter.
- Menyatukan penyata untuk meningkatkan analisis audit dan pelaporan pengurusan.
- Memusatkan perbelanjaan tempatan dan global.

#### c) KEFLEKSIBELAN PEMBIAYAAN PERMINTAAN

- Menikmati tempoh Tanpa Faedah sehingga 60 hari dari hari pertama urus niaga.
- Menyediakan pembayaran segera kepada pembekal untuk meningkatkan kelebihan semasa perundingan.
- Meningkatkan aliran tunai.
- Mengurangkan risiko pembayaran tertunggak.

### 2. Apakah obligasi saya?

- Caj bayaran lewat akan dikenakan sekiranya Syarikat atau Pemegang Kad gagal membuat pembayaran PENUH pada atau sebelum tarikh genap tempoh seperti yang dinyatakan dalam penyata.
- Syarikat atau Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Maybank dalam tempoh 20 hari dari tarikh tutup tempoh bil seperti yang dinyatakan dalam penyata akaun sekiranya terdapat pertikaian atau percanggahan.
- Syarikat atau Pemegang Kad hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kerugian atau kecurian Kad Pembelian. Syarikat atau Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Maybank dengan segera melalui telefon, faksimile atau e-mel sebaik sahaja mengetahui tentang kehilangan atau kecurian itu dan mengesahkan perkara tersebut secara bertulis kepada Maybank.
- Tempoh tanpa faedah: Sehingga 30 hari dari tarikh penyata bil bulanan, dengan syarat tiada baki yang belum dijelaskan dalam akaun kad kredit.
- Cukai Perkhidmatan sebanyak RM25 yang dikawal oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 hendaklah dikenakan kepada setiap Kad Credit/Caj Utama dan Tambahan setelah kad dikeluarkan dan ketika ulang tahun kad berkuat kuasa pada 1 September 2018.

### 3. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi tahunan	Tiada caj.
Caj bayaran lewat	Kadar rata 3.5% daripada jumlah baki yang belum dijelaskan atau minimum RM40.00, mengikut mana-mana lebih tinggi.
Cek tak laku	RM100.00.
Fi penggantian kad	RM50.00 bagi setiap penggantian kad.
Fi mendapatkan semula draf jualan	Draf Jualan Asal dengan bayaran RM15.00 satu salinan.
Fi permintaan penyata tambahan	Permintaan Penyata Kad Caj – Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) satu salinan bagi setiap bulan (tempoh penyata bagi 2 tahun) dan Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) satu salinan bagi setiap bulan (tempoh penyata lebih daripada 2 tahun).

Kadar pertukaran urus niaga luar negara	Semua caj luar negara yang ditukarkan oleh American Express menggunakan faktor pertukaran 2% kepada jumlah yang ditukarkan. Caj yang dilakukan dalam mata wang luar negara selain Dolar AS akan, apabila pertukaran dilakukan oleh American Express, ditukarkan kepada Dolar AS sebelum ditukarkan kepada mata wang bil Pemilik Kad.
Fi suapan data	Bulanan berjulat antara AS100 hingga AS1000.
Fi pelaksanaan program	Fi Penyusunan satu kali AS\$10000.
Cukai perkhidmatan	Kad Prinsipal: RM25 setiap Kad Nota: Cukai Perkhidmatan akan dikenakan kepada setiap Kad Kredit/Caj Utama dan Tambahan setelah kad dikeluarkan dan ketika ulang tahun kad.

#### 4. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Caj bayaran lewat: 3.5% daripada keseluruhan baki yang belum dijelaskan atau minimum RM40.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- Hak tolakan: Kami berhak menolak apa-apa baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami bagi apa-apa baki yang belum dijelaskan dalam akaun kad caj ini dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalender terlebih dahulu tentang hasrat kami untuk membuat tolakan.
- Liabiliti Tunggal: Syarikat bertanggungan secara mutlak bagi semua liabiliti yang timbul daripada kad; syarikat bertanggungjawab untuk membayar balik semua caj pemegang kad.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat kad kredit ini, kami berhak menamatkan kad anda.
- Maybank akan menggantung penggunaan kad jika pembayaran PENUH tidak diterima dalam tempoh 60 hari (rujuk Perjanjian Syarikat) selepas tarikh genap tempoh pembayaran sebelumnya.

#### 5. Apakah risiko utama?

- Caj bayaran lewat: 3.5% daripada keseluruhan baki yang belum dijelaskan atau minimum RM40.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- Jika anda mempunyai masalah membayar baki kad kredit anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera setelah anda menyedari kad kredit anda hilang atau dicuri.

#### 6. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami tentang apa-apa perubahan pada maklumat peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyerat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk mengemas kini maklumat peribadi anda, anda boleh hubungi kami melalui salah satu saluran berikut:

- Telefon **1800 88 9559** (panggilan dalam Malaysia) or **+603-7844 3595** (panggilan dari luar Malaysia)
- Emel **corpsvc@maybank.com.my**
- Secara bertulis untuk perhatian **Ketua, Perhubungan Pelanggan**  
Tingkat 7, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur
- Mana-mana Cawangan Maybank yang berdekatan

#### 7. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan atau pertanyaan tentang kad caj, sila rujuk laman web [www.americanexpress.com.my](http://www.americanexpress.com.my) atau [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) atau hubungi **1800 88 9559**
- Jika kami tidak dapat menyelesaikan pertanyaan atau aduan anda dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:-  
**Bank Negara Malaysia** Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: **1300 88 5465** • Emel: **bnmtelelink@bnm.gov.my**
- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturkan semula hutang bagi individu di:-  
**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**  
Tingkat 1, Menara Aras Raya, Jalan Raja Laut, City Centre, 50350 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tel: **03-2616 7766**

#### 8. Adakah terdapat produk Kad Kredit yang lain?

- Kad Hijau Korporat American Express
- Kad Emas Korporat American Express
- Kad Mesyuarat American Express
- Akaun Kembara Perniagaan American Express

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN BALIK BAKI KAD CAJ ANDA**

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini dikeluarkan pada Mac 2025 dan sah sehingga semakan semula berkala yang seterusnya.